

07/08/1998

Belia 4B bantah keras keputusan

KUALA LUMPUR, Khamis - Gerakan Belia 4B membantah keras keputusan Kerajaan Singapura yang disifatkan angkuh dengan memaksa Malaysia memindahkan Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari Tanjong Pagar ke Woodlands.

Presidennya, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata gerakan itu akan tetap menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berpendirian bahawa Pusat KIK Malaysia perlu kekal di Tanjong Pagar.

Menurutnya, Singapura mempunyai niat jahat dalam isu itu dan mendapati keputusan kerajaan republik itu satu penghinaan kepada Malaysia.

"Singapura melakukan banyak tindakan tidak baik terhadap Malaysia," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas perasmian Seminar Cabaran Pendidikan di Abad ke-21 anjuran Gerakan Belia 4B Malaysia di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di Kuala Lumpur, semalam.

(END)